

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID**  
**BIN IBRAHIM [ BANDAR TUN RAZAK ]**  
**TARIKH : 18.11.2014 (SELASA)**

**TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM [ BANDAR TUN RAZAK ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan butiran terperinci mengenai mekanisma subsidi bahan api terbaharu, lengkap dengan kajian impak menyeluruh terhadap isu berkaitan kedudukan fiskal, ketirisan subsidi, kadar inflasi dan kos sara hidup, taraf hidup rakyat terutama golongan berpendapatan rendah.

## **JAWAPAN :**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Pada masa ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah mengadakan beberapa sesi perbincangan dengan Kementerian dan Agensi Kerajaan dalam membangunkan spesifikasi sistem bagi mekanisme baharu subsidi bersasar kepada individu yang layak. Memandangkan bahawa sistem ini perlu berupaya untuk mencapai semua individu yang disasarkan, penetapan spesifikasi sistem ini memerlukan masa bagi memastikan ia mampu dilaksanakan dengan berkesan.

Kesan daripada pelaksanaan mekanisme baharu subsidi bersasar ini akan dapat memastikan rakyat Malaysia yang layak menerima bantuan Kerajaan dapat terus menikmati subsidi minyak, manakala rakyat Malaysia yang berkemampuan hanya boleh membeli minyak pada harga pasaran sebenar.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kerajaan sememangnya komited dalam melaksanakan rasionalisasi subsidi termasuk melalui mekanisme baharu subsidi bersasar bagi meningkatkan kecekapan perbelanjaan dan pengagihan sumber kewangan Kerajaan. Langkah ini seterusnya dilihat dapat membantu mengukuhkan kedudukan kewangan dan memastikan sasaran defisit fiskal pada paras 3.5% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun ini dan 3% pada 2015 tercapai. Komitmen ini juga bertujuan memastikan paras hutang sentiasa tidak melebihi 55% daripada KDNK dan menjamin kemampuan fiskal jangka panjang negara.

Pada masa kini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan bersama Kementerian dan Agensi berkaitan masih mengkaji secara menyeluruh spesifikasi terbaik mekanisme baharu subsidi bersasar dengan mengambil kira kumpulan sasar yang layak, kadar inflasi, kenaikan kos sara hidup dan impak terhadap kedudukan fiskal negara bagi memastikan pelaksanaan mekanisme baharu subsidi bersasar hanya memberi kesan yang minimum dan tidak membebankan rakyat serta tidak menjejaskan kedudukan kewangan dan pertumbuhan ekonomi negara. Kerajaan akan mengumumkan kriteria terperinci mekanisme ini setelah kajian selesai dan dimuktamadkan.